

Pilih **satu** (1) jawapan yang tepat.

1. Aisyah sangat bijak , \_\_\_\_\_ selalu mendapat markah yang cemerlang dalam peperiksaan.

A dia                      C beliau  
B beta                    D baginda



2. Puan Chelvi ialah guru yang berdedikasi. \_\_\_\_\_ sayang anaknya.

A Kita                    C Saya  
B Kami                   D Kamu

3. Kakak memetik beberapa \_\_\_\_\_ bunga ros untuk diberikan kepada rakannya.

A kuntum                C karangan  
B jambak                D batang

4. Zaki sakit perut dan muntah-muntah kerana \_\_\_\_\_ makanan.

A diracun                C keracunan  
B beracun                D meracuni

5. Puan Kamsiah menyapu \_\_\_\_\_ yang gugur dari pokok di halaman rumahnya.

A bebawang            C rerumput  
B dedaun                D pepohon



6. Zarul \_\_\_\_\_ kerana terpijak kulit pisang.

A menggelincir        C gelinciran  
B menggelinciri        D tergelincir

7. Mulut Azril \_\_\_\_\_ semasa membaca komik itu.

A gerak-geri          C kumat-kamit  
B robak-rabik          D silang-siur

8. \_\_\_\_\_ ayahnya meninggal dunia, Adam menjadi seorang yang pendiam.

A Setelah                C Semenjak  
B Sehingga              D Walaupun

9. Puan Siti membuka pintu \_\_\_\_\_ mempelawa tetamunya masuk ke dalam rumah.

A dan                    C sambil  
B lalu                    D maka

10. Walaupun baju itu murah harganya, tetapi kainnya \_\_\_\_\_ dan halus seperti sutera.

A keras                  C lembut  
B dingin                D lembik

